



Headline: Doktor rugi RM20,000 diperdaya Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 4 June 2022

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Doktor rugi RM20,000 diperdaya Macau Scam

Oleh Vivi Olivia Najurus

KENINGAU: Seorang doktor mengalami kerugian RM20,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam menyamar sebagai kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan polis.

Ketua Polis Daerah Keningau, Deputy Supritendan Nor Rafidah Kasim, berkata hasil siasatan mendapati kejadian berlaku apabila mangsa berumur lingkungan 20 tahun mendakwa menerima panggilan telefon individu mendakwa pegawai LHDN pada 27 Mei lalu.

"Dalam panggilan terbabit dimaklumkan mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM39,000 atas sebuah syarikat yang didaftar menggunakan namanya.

"Panggilan kemudian disambungkan ke Balai Polis Bukit Aman dan mangsa bercakap dengan polis berpangkat Sarjan sebelum mangsa dimaklumkan terlibat dengan sindiket dadah dan pengubahan wang haram.



RAFIDAH

"Untuk tujuan penyiasatan, mangsa diarah memindahkan wang dalam akaun miliknya ke akaun pihak ketiga untuk tujuan penyiasatan," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Beliau berkata mangsa yang terperdaya dengan tuduhan itu kemudian memindahkan wang sebanyak RM20,000 ke dalam akaun bank atas

nama individu yang tidak dikenali itu.

"Mangsa hanya menyedari tertipu dan terus tampil ke balai polis untuk membuat laporan polis semalam.

"Laporan itu juga dibuat kerana mangsa berasa takut semua dokumen peribadi dan identitinya termasuk gambar mangsa akan disalah guna," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

"Orang awam diingatkan supaya tidak mudah panik atau terperdaya dengan panggilan telefon yang diterima daripada pihak tidak dikenali. Mereka boleh menghubungi pihak polis atau pihak yang berkenaan untuk mendapatkan kepastian.

"Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai panggilan yang memaklumkan mereka sebagai badan penguat kuasa atau institusi kewangan.

"Mereka juga diminta untuk tidak mendedahkan butiran perbankan kepada pihak yang tidak dikenali bagi mengelak daripada menjadi mangsa penipuan atau buat semakan pengesahan akaun dan talian telefon terlebih dahulu melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> sebelum membuat sebarang transaksi pembayaran," katanya.